

27-7-2024

## **Kurangkan 10 peratus penggunaan air, elak krisis - PBAPP**



Georgetown: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) merayu pengguna air di negeri ini supaya mengurangkan penggunaan air sebanyak 10 peratus sehingga musim hujan yang dijangka bermula September depan.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) K Pathmanathan berkata, penggunaan air di Pulau Pinang sudah meningkat secara purata 10 JLH tahun ke tahun, merujuk kepada isipadu air yang boleh mengisi sebanyak 6,667 botol air minuman besar 1.5 liter setiap hari.

Katanya, kadar hujan yang rendah sejak Januari lalu memberi kesan kepada operasi bekalan air di Pulau Pinang menerusi kapasiti efektif rendah Empangan Air Itam sebanyak 41.1 peratus dan Empangan Teluk Bahang (31.9 peratus), semalam.

"Pengeluaran air terawat yang lebih rendah di Loji Rawatan Air Terjun (LRA) juga disebabkan kekurangan air mentah dari kawasan tadahan air (KTA) Air Terjun Pulau Pinang.

"Manakala pengeluaran air terawat yang lebih rendah di Sungai Pinang (LRA) disebabkan kekurangan air mentah dari KTA Titi Kerawang," katanya dalam kenyataan media hari ini.

"Seperti yang diumumkan semalam, PBAPP sedang mengaktif pelan pengurusan krisis bagi meminimumkan kesan isu taburan hujan rendah dan memastikan Pulau Pinang mempunyai air mencukupi sehingga musim hujan pada September tiba.

"Jika setiap pengguna air domestik Pulau Pinang dapat mengurangkan penggunaan air sebanyak 10 peratus, kita akan berada dalam kedudukan lebih baik bagi memastikan bekalan air mencukupi sehingga hujan tiba pada September ini.

"Sehubungan itu, saya merayu kepada pengguna domestik Pulau Pinang supaya kurang menggunakan air di rumah segera bagi meminimumkan risiko krisis air di negeri ini," katanya.

Secara purata, rakyat Pulau Pinang menggunakan lebih kurang 19.8 peratus lebih air di rumah pada tahun 2023 daripada purata kebangsaan.